

KHUTBAH JUMAAT

“HALAL DICARI, HIDUP DIBERKATI” (24 Julai 2026M/ 9 Safar 1448H)

الْحَمْدُ لِلَّهِ، الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي خَلَقَ فَسَوَّى، وَصَبَّ الْمَاءَ وَشَقَّ الْأَرْضَ،
وَأَطْعَمَ وَسَقَى، وَرَزَقَ الْعِبَادَ مِمَّا يَطْعُمُونَ حَلَالًا طَيِّبًا. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ
إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ، وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ
مُسْلِمُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Marilah kita bersama-sama mempertingkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah *subhanahu wata'ala* dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Berikanlah tumpuan yang sepenuhnya kepada khutbah yang disampaikan, hindari segala bentuk perbuatan yang sia-sia, berbual-bual dan berinteraksi dengan menggunakan telefon bimbit di tangan. Mudah-mudahan kita meraih keberkatan dan kesempurnaan pahala solat Jumaat. Marilah kita bersama-sama mendengar dan menghayati khutbah yang bertajuk: “**Halal Dicari, Hidup Diberkati.**”

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Tuntutan untuk mencari yang halal dan baik dalam kehidupan kita seharian merupakan suatu kewajiban bagi setiap umat Islam. Pada

masa kini, konsep halal tidak terbatas sebagai satu bentuk pematuhan terhadap ajaran Islam semata-mata, malah telah berkembang menjadi satu piawaian menyeluruh yang merangkumi pelbagai aspek dan nilai kehidupan. Halal kini dilihat bukan sahaja sebagai keperluan dalam kalangan umat Islam, bahkan turut mendapat perhatian dan menjadi pilihan dalam kalangan masyarakat bukan Islam.

Sesungguhnya, Islam sentiasa mengingatkan umatnya agar berwaspada dan memastikan setiap makanan dan minuman diambil adalah daripada sumber yang halal, baik dan berkualiti. Pemeliharaan terhadap yang halal dan baik dalam aspek pemakanan serta kehidupan merupakan asas kepada keberkatan hidup manusia. Hal ini juga menjadi benteng daripada tipu daya syaitan yang berusaha menyesatkan manusia melalui perkara yang haram dan meragukan. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam surah al-Baqarah, ayat 168:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ كُلُوا مِمَّا فِي الْأَرْضِ حَلَالًا طَيِّبًا وَلَا تَتَّبِعُوا خُطَوَاتِ الشَّيْطَانِ ۚ إِنَّهُ لَكُمْ عَدُوٌّ مُبِينٌ (١٦٨)

Maksudnya: *Wahai sekalian manusia! Makanlah daripada apa yang ada di bumi yang halal lagi baik, dan janganlah kamu mengikut jejak langkah Syaitan; kerana sesungguhnya Syaitan itu ialah musuh yang terang nyata bagi kamu.*

Prinsip yang halal lagi baik, iaitu halalan tayyiba merupakan fitrah sejagat yang diakui oleh semua insan. Halal bermaksud sesuatu

yang dibenarkan oleh syarak dan tidak bercampur dengan unsur yang haram. Manakala *tayyib* membawa maksud sesuatu yang baik, bersih, suci, selamat, berkualiti, berkhasiat dan tidak memudaratkan kesihatan. Gabungan kedua-dua unsur ini menegaskan bahawa makanan bukan sahaja perlu halal dari segi hukum syarak, malah mestilah menepati ciri-ciri kebaikan dari segi kualiti dan manfaat untuk tubuh badan manusia.

Sesungguhnya, konsep halal dalam kehidupan membawa makna yang amat luas berkaitan dengan tatacara hidup seorang Muslim yang menitikberatkan prinsip halalan tayyiban, iaitu kesucian, amalan kebersihan serta gaya hidup yang sihat dan selari dengan syariat. Sebagai umat Islam, kita wajib memastikan setiap aspek kehidupan termasuk pakaian, barangan yang digunakan serta sumber makanan dan minuman adalah halal serta memenuhi ketetapan syariat Islam.

Namun, terdapat segelintir dalam kalangan umat Islam semakin mengabaikan perkara ini terutamanya berkaitan makanan dan minuman yang diambil, sama ada benar-benar halal ataupun sebaliknya. Mungkin kelazatan dan keinginan nafsu semata-mata yang lebih diutamakan tanpa memikirkan kesan dan akibat buruk daripadanya. Perkara ini telah diperingatkan oleh Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* kepada umatnya melalui hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah *radiallahu anhu* yang berbunyi:

((لَيَأْتِيَنَّ عَلَى النَّاسِ زَمَانٌ لَا يُبَالِي الْمَرْءُ بِمَا أَخَذَ الْمَالَ أَمِنْ حَلَالٍ أَمْ مِنْ حَرَامٍ))

Maksudnya: Akan pasti berlaku pada (akhir) zaman kelak, individu yang tidak mengambil endah sumber pendapatannya, sama ada sumber halal atau haram.

(Hadis riwayat Imam al-Bukhari)

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Pengambilan makanan haram bukan sahaja melanggar syariat, malah merosakkan seluruh dimensi kerohanian dan moral seseorang muslim. Makanan yang tidak halal menjadi penghalang antara hamba dan Tuhannya, menyebabkan doa terhalang daripada dikabulkan dan amalan kehilangan nilai. Makanan yang haram menggelapkan akal, mengotorkan hati dan melemahkan jiwa.

Ingatlah bahawa memakan makanan yang haram membawa akibat yang sangat berat bukan sahaja di dunia, malah di akhirat. Orang yang mengambil makanan haram akan dihumban ke dalam api neraka. Syaitan tidak pernah berhenti daripada menggoda manusia, siang dan malam silih berganti, dengan pelbagai cara untuk memesongkan mereka daripada jalan kebenaran. Usahanya tertumpu kepada mendorong manusia agar terlibat dalam pekerjaan yang haram, memperoleh rezeki yang haram dan memakan makanan haram untuk diri dan ahli keluarganya.

Apabila makanan haram telah menjadi darah daging, maka seluruh tubuh dipengaruhi oleh keburukan, lalu rosaklah hati, akal dan

perbuatan. Akhirnya, pada hari akhirat, orang yang hidup dengan hasil yang haram ini akan dihumban ke dalam api neraka. Daripada Ka'ab bin 'Ujrah *radiallahu anhu* bahawa Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* telah bersabda:

((... إِنَّهُ لَا يَرْبُو لَحْمَ نَبْتٍ مِنْ سُحْتٍ إِلَّا كَانَتْ النَّارُ أُولَى بِهِ))

Maksudnya: ... *Tidaklah tumbuh daging daripada (makanan) yang haram, melainkan nerakalah yang lebih layak untuknya.*

(Hadis riwayat Imam at-Tirmizi)

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Di Malaysia, pelaksanaan pensijilan halal dikendali dan diselaraskan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), manakala di peringkat negeri, tanggungjawab ini dilaksanakan oleh Majlis Agama Islam dan Jabatan Agama Islam negeri-negeri. Di Sarawak, Majlis Islam Sarawak melalui Bahagian Pengurusan Halal, Jabatan Agama Islam Sarawak berperanan mengendalikan hal ehwal berkenaan pengurusan halal ini. Pensijilan tersebut berfungsi sebagai satu bentuk jaminan kepada umat Islam bahawa produk, premis dan perkhidmatan yang ditawarkan telah mematuhi prinsip syariat Islam dalam aspek sumber bahan, proses pengeluaran, kaedah penyimpanan, tahap kebersihan serta keselamatan penggunaan.

Adakah kita benar-benar sedar tentang kepentingan memiliki Sijil Halal bagi sesuatu produk? Tanpa sijil tersebut, umat Islam berisiko mengambil makanan yang meragukan atau mungkin haram, sekaligus menjejaskan kesucian amalan harian dan keberkatan

hidup. Sebaliknya, jika sesuatu produk telah memperoleh pengesahan halal, makanan dan minuman itu boleh dinikmati tanpa sebarang keraguan kerana telah disahkan mematuhi syariat dari segi bahan, pemprosesan dan kaedah pengendalian.

Sijil Halal bukan sahaja penting dari sudut pematuhan syariat, malah turut memberi sumbangan besar kepada pembangunan ekonomi umat Islam. Industri halal kini menjadi sektor global yang berkembang pesat, melangkaui keperluan pengguna Muslim semata-mata. Malaysia diiktiraf sebagai hab halal antarabangsa hasil komitmen kerajaan melalui agensi seperti JAKIM, majlis agama Islam dan jabatan agama Islam negeri-negeri dalam memastikan integriti pensijilan halal terus terpelihara. Kepercayaan ini membuka peluang luas untuk usahawan tempatan bersaing di peringkat global dengan cara yang patuh syariah dan beretika.

Kaum muslimin yang berbahagia,

Kehidupan yang berpaksikan prinsip halal menjanjikan keberkatan di dunia dan keselamatan di akhirat. Sebagai seorang muslim, kita wajib memastikan bahawa setiap makanan, minuman, pakaian dan keperluan harian diperoleh dari sumber yang benar-benar halal tanpa keraguan. Semoga usaha ini mencetuskan jiwa yang tenang dan bahagia, budi pekerti dan akhlak yang mulia, serta ibadah yang ikhlas dan berlipat ganda kepada Allah Tuhan Yang Maha Esa.

Marilah kita bersama-sama mengamalkan doa yang diajar oleh Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* kepada Saidina Ali *radiallahu anhu* yang berbunyi:

((... اللَّهُمَّ اكْفِنِي بِحَلَالِكَ عَنْ حَرَامِكَ، وَأَغْنِنِي بِفَضْلِكَ عَمَّنْ سِوَاكَ))

Maksudnya: *Ya Allah, cukupkanlah bagiku dengan rezeki-Mu yang halal sehingga aku tidak memerlukan sesuatu yang Engkau haramkan. Kayakanlah aku dengan limpahan kurniaan-Mu sehingga aku tidak mengharapkan sesiapa selain-Mu.*

(Hadis riwayat Imam at-Tirmizi)

Kaum muslimin yang berbahagia,

Di penghujung khutbah pada hari ini, marilah kita mengambil beberapa pengajaran penting, antaranya:

Pertama: Umat Islam wajib memastikan setiap aspek kehidupannya daripada sumber pendapatan hinggalah kepada apa yang digunakan seperti pakaian, makanan dan minuman adalah halal serta memenuhi ketetapan syariat Islam.

Kedua: Umat Islam digalakkan agar memilih produk, premis dan perkhidmatan yang memiliki Sijil Halal yang diiktiraf kerana telah mematuhi prinsip syariat Islam dalam aspek sumber bahan, proses pengeluaran, kaedah penyimpanan, tahap kebersihan serta keselamatan penggunaan.

Ketiga: Kehidupan yang berpaksikan prinsip halal menjanjikan keberkatan di dunia dan keselamatan di akhirat.

Akhirnya, marilah kita bersama-sama menghayati firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam surah al-Mukminun, ayat 51:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ.
يَا أَيُّهَا الرُّسُلُ كُلُوا مِنَ الطَّيِّبَاتِ وَاعْمَلُوا صَالِحًا إِنِّي بِمَا تَعْمَلُونَ عَلِيمٌ

Maksudnya: *Wahai Rasul-rasul, makanlah daripada benda-benda yang baik lagi halal dan kerjakanlah amal-amal soleh; sesungguhnya Aku Maha Mengetahui akan apa yang kamu kerjakan.*

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ
قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ
وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH JUMAAT KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ. الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Tetaplah istiqamah mengimarahkan masjid dan surau dengan mendirikan solat fardu berjemaah dan menghadiri majlis-majlis ilmu. Bimbinglah ahli keluarga kita agar tetap menjaga solat fardu lima waktu. Teguhkanlah perpaduan dengan sikap saling menghormati dan bekerjasama sesama masyarakat. Carilah rezeki yang halal lagi baik, agar hidup kita diberkati dan dirahmati.

Selamatkanlah diri dan keluarga kita daripada penyalahgunaan dadah, bahan inhalan dan ketum, perjudian serta segala bentuk maksiat. Semua ini hanya membawa kepada kehancuran hidup dan meruntuhkan masa depan kita dan umat.

Perbanyakkanlah selawat ke atas Nabi Muhammad *sallallahu alaihi wasallam* seperti yang diperintahkan oleh Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Ahzab, ayat 56:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.

Maksudnya: *Sesungguhnya Allah dan malaikat-Nya berselawat (memberi segala penghormatan dan kebaikan) kepada Nabi (Muhammad sallallahu alaihi wasallam); wahai orang yang beriman, berselawatlah kamu kepadanya serta ucapkanlah salam sejahtera dengan penghormatan yang sepenuhnya.*

اَللّٰهُمَّ صَلِّ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى اٰلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ
عَلٰى سَيِّدِنَا اِبْرَاهِيْمَ وَعَلٰى اٰلِ سَيِّدِنَا اِبْرَاهِيْمَ، وَبَارِكْ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلٰى اٰلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلٰى سَيِّدِنَا اِبْرَاهِيْمَ وَعَلٰى اٰلِ
سَيِّدِنَا اِبْرَاهِيْمَ، فِي الْعَالَمِيْنَ، اِنَّكَ حَمِيْدٌ مَّجِيْدٌ.

وَارْضَ اللّٰهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِيْنَ الْمُهَدِّيْنَ، سَادَاتِنَا اَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ
وَعُثْمَانَ وَعَلِيٍّ، وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنْ التَّابِعِينَ وَتَابِعِ التَّابِعِينَ
وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اَللّٰهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْاَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ. اِنَّكَ سَمِيْعٌ قَرِيْبٌ مُّجِيْبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.

Ya Allah, Bantulah saudara-saudara kami yang memerlukan bantuan di mana sahaja mereka berada, khususnya di bumi Palestin. Kurniakanlah mereka perlindungan, keamanan, dan kemenangan dengan rahmat-Mu, wahai Tuhan Yang Maha Pengasih. Ampunkanlah segala dosa-dosa kami, ibu bapa kami, keluarga dan

guru-guru kami. Limpahkanlah kepada kami kesejahteraan dan kebahagiaan di dunia dan di akhirat.

Kurniakanlah kecemerlangan pendidikan kepada anak-anak kami dalam apa sahaja bidang yang mereka ceburi. Tambahkan ilmu dan kemahiran yang bermanfaat kepada mereka, perteguhkanlah peribadi mereka dengan akhlak yang mulia dan terpuji. Jadikanlah anak-anak kami pemimpin dalam kalangan orang yang bertakwa.

Ya Allah, berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada para pemimpin Negara kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak. Jadikanlah kami umat yang berintegriti, bersatu-padu, dan terbilang dalam semua bidang yang diceburi demi mendukung negara yang maju dan makmur serta mendapat perlindungan-Mu. Kekalkanlah kesatuan kami dalam akidah, ibadah dan akhlak atas pegangan Ahli Sunnah Wal Jama'ah. Limpahkanlah nikmat keselamatan, kesihatan, dan ketenangan, serta lindungilah kami daripada segala wabak dan bala yang mengganggu kehidupan kami. Luaskan rezeki kami dan berikanlah bantuan kepada kami untuk kami mengharungi kehidupan di dunia dan akhirat.

رَبَّنَا أْتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينَ،
أَمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ. إِنَّ اللَّهَ يُأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُم لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ
يَذْكُرْكُمْ. وَاشْكُرُوا عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ. وَلَذِكْرُ
اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيمُوا الصَّلَاةَ.